

SEHARI selepas pertemuan empat mata di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berlangsung di kediaman Pak Lah, Tun Dr. Mahathir telah memanggil sidang akhbar pada 10 pagi untuk menerangkan dan menjelaskan apa sebenarnya yang berlaku dalam perbincangan beliau dengan Pak Lah selama hampir 2 jam itu.

Dalam penjelasan Dr. Mahathir kepada para pemberita yang sebelumnya telah mendesak beliau supaya memberi penerangan, Dr. Mahathir telah menjelaskan satu persatu dari mula hingga akhir dan juga menerangkan bagaimana perjumpaan itu berlaku dan siapa mengaturnya.

Menurut Dr. Mahathir, selepas berjumpa dengan Pak Lah beliau berkeinginan hendak pulang untuk memenuhkan janji berbuka puasa dan hanya sempat menyatakan dengan pendek kepada pemberita yang menunggu kepulangnya.

Selepas itu beliau terus menerus dihubungi para pemberita dan ada yang menunggu berjam-jam lamanya di pintu masuk rumah beliau untuk mendapatkan berita yang tepat. Oleh kerana tidak mahu menghampakan mereka ini, beliau bersetuju untuk mengadakan sidang akhbar supaya tidak berlaku salah faham dan spekulasi yang tidak berasas.

Dalam sidang akhbar tersebut yang didengar sendiri oleh wakil ERA BARU yang berdiri di sebelah kiri Dr. Mahathir ketika itu, Dr. Mahathir sebenarnya tidak mengancam atau mengkritik Perdana Menteri seperti yang dilaporkan di akhbar-akhbar.

Sebenarnya laporan-laporan yang dimuatkan oleh akhbar-akhbar tersebut tidak benar sama sekali dan disebabkan berita yang tidak benar itu, ia telah membuatkan orang ramai marah kepada Dr. Mahathir kerana dianggap tidak adil kepada Pak Lah.

Dalam soal ini saya teringat kembali kepada peristiwa lampau di mana akhbar-akhbar juga telah memutar belitkan kenyataan almarhum Tun ku Abdul Rahman Putra Al-Haj apabila Tunku menegur apa yang beliau lihat tidak betul dalam kepimpinan Perdana Menteri yang ketika itu diterajui oleh Dr. Mahathir. Tunku begitu marah terhadap akhbar-akhbar yang tidak melaporkan dengan benar kenyataan atau kata-kata yang

Penjelasan Dr. Mahathir Kepada Pihak Media Tentang Perjumpaan Dengan Pak Lah

Era Baru - 17/11/2006

dicakapkan, dengan itu mengusutkan lagi hubungan beliau dengan Dr. Mahathir ketika itu.

Justeru, saya pernah menulis surat kepada akhbar-akhbar supaya mengelakkan dari memfitnah dan memutar belitkan kenyataan pemimpin kerana itu dilihat sebagai melaga-lagakan para pemimpin apatah lagi pemimpin-pemimpin yang telah berselisih faham seperti yang berlaku kini di antara Tun Dr. Mahathir dengan Pak Lah.